

**NO. SOALAN: 53**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : UST. DATUK DR. MOHD KHAIRUDDIN  
BIN AMAN RAZALI [ KUALA NERUS ]**

**TARIKH : 21 MAC 2016**

**RUJUKAN : 8621**

**SOALAN:**

**Ust. Datuk Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan senarai nama penerbit dan penerbitan yang telah dikenakan Perintah Larangan menurut Seksyen 7 (1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 pada tahun 2015.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Sejumlah 49 tajuk penerbitan telah dikenakan Perintah Larangan mengikut peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 sepanjang tahun 2015. Di antara tajuk penerbitan yang dikenakan Perintah Larangan adalah seperti *Fifty Shades of Grey*, *Sebongkah Batu di Kuala Berang*, *English Translation of The Meanings of The Holy Quran*, *The Mammoth Book of Best New Erotica 11*, *Mawlana Ali Peace Be On Him*, *55 Dongeng Teladan Untuk Anak Muslim*, *Ya Ali Madad* dan *Tabut Penjelasan Tentang Segala Sesuatu*.

Kesemua tajuk lain boleh disemak menerusi laman web Kementerian Dalam Negeri di alamat [www.moha.gov.my](http://www.moha.gov.my). Bahan-bahan penerbitan tersebut telah dikenakan Perintah Larangan antara lain kerana mungkin memudaratkan ketenteraman awam, memudaratkan kepentingan awam serta menggemparkan fikiran orang ramai dan memudaratkan kemoralan.

Kementerian Dalam Negeri mengambil tindakan mengenakan Perintah Larangan terhadap penerbitan berkenaan bagi memelihara keselamatan dan ketenteraman awam serta perpaduan dan kesejahteraan rakyat sejajar dengan peruntukan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.